

- G Baca petikan di bawah. Lengkapkan ayat dengan jawapan yang betul. 



Mei Foong mempunyai sebuah keluarga yang bahagia. Mei Foong berumur tujuh tahun. Dia bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Taman Melur. Mei Foong mempunyai tiga orang adik-beradik. Hobi Mei Foong ialah membaca buku. Cita-cita Mei Foong ialah doktor.

Nama ayah Mei Foong ialah Chong Tan Fook. Ayah Mei Foong seorang pegawai polis. Ibu Mei Foong pula bernama Vivienne. Ibu Mei Foong seorang pensyarah. Mei Foong sangat sayang akan keluarganya.

- 1 Mei Foong mempunyai sebuah _____
- 2 Mei Foong berumur _____
- 3 Dia bersekolah di _____
- 4 Mei Foong mempunyai _____
- 5 Hobi Mei Foong ialah _____
- 6 Cita-cita Mei Foong ialah _____
- 7 Nama ayah Mei Foong _____
- 8 Ayah Mei Foong seorang _____
- 9 Nama ibu Mei Foong _____
- 10 Ibu Mei Foong seorang _____